

Tahap Kesiapan Pelajar Menggunakan ChatGPT Dalam Pembelajaran Di Politeknik Kota Kinabalu

Masliza Idani Mahmood^{1*}, Nur Nadirah Nordin¹, Kamal Ali¹

¹Politeknik Kota Kinabalu, No. 4, Jalan Politeknik KKIP Barat, Kota Kinabalu Industrial Park, 88460 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

*Corresponding author: masliza@polikk.edu.my

Abstrak

Teknologi ChatGPT semakin popular dikalangan pelajar bagi tujuan pembelajaran. Justeru itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat faktor penentu tahap kesiapan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran di Politeknik Kota Kinabalu. Seramai 200 responden dari Politeknik Kota Kinabalu telah dipilih secara rawak. Kajian ini menggunakan soal selidik yang mengandungi lima bahagian yang terdiri daripada demografi responden, tahap kesiapan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran, pengetahuan terhadap ChatGPT dalam pembelajaran, kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran dan kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar Politeknik Kota Kinabalu bersedia menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran. Hasil dapatan juga mendapati hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesiapan pelajar menggunakan ChatGPT dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran.

Kata Kunci: - ChatGPT pembelajaran, kesiapan, pengetahuan, kegunaan dan kemudahan

1. Pengenalan

Perkembangan pesat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan yang signifikan kepada landskap pendidikan tinggi di Malaysia. Menurut penulis Lim (2023) menyatakan kemunculan teknologi artificial intelligence (AI) menandakan keperluan untuk perubahan segera secara inovatif dalam industri pendidikan, maka pendidik dan pelajar perlu melihat AI sebagai sekutu dan bukannya musuh. Dalam konteks ini, ChatGPT akan melibatkan sistem pembelajaran berdasarkan AI yang diprogram oleh komputer yang direka khas seperti berbual dengan manusia, persis pelajar bertanya kepada pensyarah. ChatGPT boleh memberi impak yang besar kepada pembelajaran bagi meningkatkan kebolehan pelajar untuk berfikir secara kritis, menggalak kreativiti dan menerima pelbagai jawapan kepada sesuatu masalah yang diajukan. Secara tidak langsung dengan kemunculan ChatGPT ini akan menjadi salah satu alat yang membantu untuk menyokong proses pembelajaran pelajar diperingkat pendidikan tinggi. Pendidikan tinggi termasuklah politeknik, universiti tempatan mahupun swasta tiada pilihan lain akan menggunakan ChatGPT sebagai medium pembelajaran bagi memastikan tiada lagi pelajar menggunakan buku rujukan dan enjin carian secara tradisional sebelum ini.

Teknologi ChatGPT semakin popular dikalangan pelajar bagi tujuan pencarian maklumat melibatkan aktiviti pembelajaran kerana kemampuannya memberikan respon yang pantas dan relevan kepada

pelajar. Dengan keupayaan untuk menjawab soalan, memberikan penjelasan, dan menyediakan bahan pembelajaran yang sesuai, ChatGPT membolehkan pelajar untuk memperoleh pengetahuan dengan mudah dan efektif. Menurut Goh (2023) ChatGPT wujud bertujuan memahami dan menjawab pertanyaan rumit, menjadikan ianya instrument yang ideal kepada pelajar pendidikan tinggi. Hal ini menjadikan ChatGPT ini sebagai alat yang berharga dalam proses pembelajaran dalam pelbagai bidang di peringkat Pendidikan tinggi. Penggunaan ChatGPT ini dilihat dapat membantu pelajar menyelesaikan tugas, membantu pencarian maklumat, menjawab pertanyaan dengan mudah, pantas dan mudah diakses. Patchara et al. (2021) menyatakan penggunaan ChatGPT sangat berkesan dalam meningkatkan pengetahuan dalam pembelajaran pelajar dengan bantuan segera dari platform ChatGPT dapat menyokong pembelajaran pelajar secara peribadi.

Justeru itu, institusi pendidikan tinggi harus tahu dan memastikan kaedah pembelajaran sentiasa terkini, dengan menjadi ChatGPT adalah salah satu instrument utama dalam bidang pendidikan dari segi mengakses pengetahuan masa kini dan masa hadapan bagi memenuhi keperluan pelajar di era moden yang serba cepat dan berubah-ubah. Pelajar perlu lebih proaktif dan responsif untuk meningkatkan daya pemikiran kreativiti dan inovatif dalam pembelajaran seiring dengan pemodenan teknologi masa kini.

1.1 Penyataan Masalah

Walaupun ChatGPT didapati berpotensi digunakan dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan dengan berkesan dalam pelbagai ilmu Marquardson (2024) dan Elisnorazmaliza et al., (2023), namun terdapat satu keperluan untuk menentukan tahap kesediaan pelajar pendidikan tinggi masa kini terhadap penggunaan ChatGPT sebagai medium pembelajaran secara sendiri bagi kegunaan dalam menyelesaikan tugas dan melengkapkan tugas. Hal ini kerana aspek kesediaan memainkan peranan penting dalam menentukan tahap penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran dari aspek keberkesanannya. Adalah penting untuk meneliti dan memahami kesediaan pelajar dalam mengadaptasi dan menggunakan ChatGPT dalam konteks pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai kesediaan pelajar Politeknik Kota Kinabalu menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran.

1.2 Objektif Kajian

1. Menenalpasti tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan menggunakan faktor-faktor pengetahuan, kemudahan dan kebergunaan ChatGPT.
2. Menenalpasti hubungan di antara pengetahuan, kemudahan dan kebergunaan ChatGPT dalam pembelajaran dengan tahap kesediaan pelajar.

1.3 Persoalan Kajian

1. Bagaimana tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan menggunakan faktor-faktor pengetahuan, kemudahan dan kebergunaan ChatGPT?
2. Adakah terdapat hubungan pengetahuan, kemudahan dan kebergunaan ChatGPT dalam pembelajaran dengan tahap kesediaan pelajar?

1.4 Hipotesis Kajian

H1 - Terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan ChatGPT dengan tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran

H2 - Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kemudahan ChatGPT dengan tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran

H3 - Terdapat hubungan positif yang signifikan antara kebergunaan ChatGPT dengan tahap kesediaan pelajar terhadap pembelajaran.

2. Kajian Literatur

ChatGPT, singkatan bagi Generative Pre-trained Transformer, adalah model pemrosesan bahasa semula jadi atau natural language processing (NLP) terkini yang dibangunkan oleh OpenAI. Diperkenalkan pada tahun 2022, ChatGPT terhasil berdasarkan kejayaan teknologi kecerdasan buatan (AI) terdahulu, seperti GPT-2 dan GPT-3, dengan menumpukan kepada fungsi AI Perbualan. ChatGPT yang merupakan sejenis AI chatbot, menggunakan teknik pembelajaran secara mendalam untuk menghasilkan jawapan yang mirip dengan manusia terhadap input teks, membolehkannya untuk berdialog dengan pengguna, dengan cara yang hampir menyerupai perbualan antara manusia (Brown et al., 2020; Radford et al., 2019).

Akhir ini, penggunaan AI chatbot seperti ChatGPT dalam dunia pendidikan telah mendapat perhatian yang meluas berikutan potensinya untuk merevolusikan proses pembelajaran. AI chatbot membolehkan pelajar berinteraksi dalam perbualan interaktif, di mana mereka boleh menyesuaikan kandungan dan maklum balas berdasarkan keperluan dan kehendak mereka (Zhang et al., 2021). Pendekatan yang boleh diubahsuai mengikut kehendak individu ini menggalakkan pembelajaran aktif dan penglibatan pelajar, di mana ia dilihat sebagai satu kaedah yang boleh membawa kepada pencapaian akademik yang lebih baik. Menurut Mogavi et al. (2024), kebolehan ChatGPT dalam mengubahsuai tahap kesukaran sesuatu tugas secara dinamik, menghasilkan penjelasan yang bersesuaian, dan menawarkan rujukan tambahan melalui analisis input dan interaksi pengguna, dilihat sebagai menyokong gaya pembelajaran yang pelbagai. Ciri kebolehsuaian ini mampu memupuk rasa autonomi dan keberdayaan dalam diri pelajar untuk mengawal selia proses pembelajaran mereka mengikut tahap kelajuan individu. Selain itu, ChatGPT mampu menghasilkan maklumbalas secara personal yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan individu dan menyediakan jawapan konstruktif dalam masa yang singkat kepada pertanyaan yang diajukan pelajar. Dengan keupayaan pemrosesan bahasa semula jadi, ChatGPT dapat menhuraikan kekeliruan, mencadangkan pendekatan alternatif, dan menawarkan sumber rujukan yang berkaitan untuk kajian lanjut (Javaid et al., 2023).

Penyelidikan terhadap pengetahuan dan penerimaan pelajar tentang penggunaan ChatGPT dalam pendidikan masih lagi berada dalam peringkat permulaan. Namun yang demikian, kajian awal berkaitan penggunaan chatbot dalam bidang pendidikan telah memberi input berharga tentang persepsi dan pengalaman pelajar dalam penggunaan

teknologi komunikasi berpandukan AI. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Mennella & Quadros (2024), sejumlah mahasiswa dan mahasiswi diperkenalkan kepada tutor maya berasaskan ChatGPT yang direka untuk membantu dalam tugas penulisan. Hasil kajian menunjukkan bahawa, wujud kebimbangan terhadap ketepatan dan kebolehpercayaan respon yang diberikan tutor maya, walaupun responden menunjukkan minat dan rasa ingin tahu terhadap teknologi yang diperkenalkan. Hasil yang sama turut dilihat melalui kajian yang dijalankan oleh Mogavi et al. (2024) berkenaan tanggapan pelajar terhadap penggunaan AI chatbot, termasuk ChatGPT sebagai alat bantuan akademik. Berdasarkan penemuan, walaupun pelajar menganggap ChatGPT sebagai satu pemudahcara dalam mengakses maklumat yang diperlukan, wujud keraguan mengenai keupayaan ChatGPT dalam memberikan maklumbalas yang menepati kehendak dan keperluan individu (personalized feedback) serta kemampuannya dalam menangani persoalan yang kompleks secara berkesan. Walaubagaimanapun, kajian yang dijalankan oleh Ho & Nguyen (2024) berkenaan persepsi pelajar universiti terhadap penggunaan ChatGPT sebagai rujukan tambahan dalam kursus Bahasa menunjukkan respon yang lebih positif. Responden merasakan penggunaan ChatGPT dalam proses pembelajaran kursus Bahasa telah meningkatkan motivasi dan penglibatan mereka berbanding sebelumnya.

Keupayaan pemrosesan bahasa semula jadi ChatGPT yang canggih telah menawarkan peluang yang meluas dalam memenuhi keperluan dan gaya pembelajaran yang pelbagai. Tambahan lagi, ia turut memberi manfaat yang besar kepada pelajar kurang upaya. Kebolehan ChatGPT menghasilkan deskripsi, arahan, dan maklum balas berasaskan teks menjadikan kandungan pendidikan lebih mudah diakses oleh pelajar-pelajar kurang upaya penglihatan (Kuzdeuov et al., 2023). Fungsi ini membolehkan pendidik mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif di mana semua pelajar mampu melibatkan diri secara aktif dan mengakses bahan pembelajaran tanpa mengira keupayaan mereka. Paparan ChatGPT yang mesra pengguna telah memudahkan akses kepada pendidik dan pelajar. Tambahan lagi, ciri mesra pengguna ChatGPT menjadikannya mudah diakses sesiapa sahaja dengan kepakaran teknologi yang terhad, tanpa memerlukan latihan lanjut (Luke et al., 2018; O'Mara et al., 2021). Aksesibiliti ini membolehkan pengguna mengakses ChatGPT, tanpa mengira tahap penguasaan literasi digital. Tidak dapat dinafikan, para pendidik boleh menggunakan ChatGPT untuk menghasilkan pembelajaran interaktif, menyediakan bahan bantu yang menepati kehendak dan keperluan individu, dan memudahkan proses

perbincangan di dalam kelas (Ali et al., 2023). Ciri-ciri ini membolehkan pendidik untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi ChatGPT sebagai alat bantuan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, kebolehcapaian ChatGPT melalui pelbagai platform digital meningkatkan lagi aksesibilitinya dalam pendidikan. Namun yang demikian, hasil kajian menunjukkan pelajar mengalami kesukaran dalam menggunakan AI prompt yang tepat bagi membolehkan Chatgpt untuk menghasilkan input yang diinginkan (Tiwari et al., 2023). Justeru itu, amatlah penting untuk para pendidik dan pelajar untuk memahirkan diri dengan input yang perlu diberikan kepada Chatgpt untuk mengoptimumkan penggunaannya di bidang Pendidikan (Mikeladze, 2023).

Beberapa kajian telah dijalankan berkenaan kebolehgunaan ChatGPT dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam proses pengajaran dan penghasilan bahan pembelajaran. Sihite et al., (2024) telah menjalankan sebuah kajian yang meneliti tentang kebolehan ChatGPT dalam menghasilkan soalan penilaian yang merangkumi kemahiran berfikir tahap tinggi sejajar dengan taksonomi Bloom. Hasil kajian mendapati, walaupun ChatGPT berjaya menghasilkan soalan penilaian yang bersesuaian dan menepati kehendak, tahap kebolehpercayaan soalan yang terhasil adalah sederhana, menunjukkan tahap konsistensi dalaman yang munasabah. Kajian yang dijalankan oleh Hatia et al. (2024) berkenaan kebolehpercayaan respon yang diberikan ChatGPT kepada persoalan dalam bidang ortodontik menunjukkan peratusan ketepatan yang tinggi. Walaubagaimanapun, kajian turut menunjukkan bahawa penilaian terperinci terhadap maklumbalas yang diberikan ChatGPT adalah diperlukan memandangkan ianya tidak seratus peratus tepat dan lengkap. Selain itu, satu kajian yang dijalankan Susnjak (2022) menunjukkan bahawa ChatGPT memproses maklumat menggunakan kemahiran berfikir secara kritis yang tinggi berbanding enjin carian tradisional. Respon yang dihasilkan ChatGPT adalah jelas, tepat, relevan dan logik.

Walaubagaimanapun, penemuan positif ini tidak dapat menghapuskan kebimbangan yang wujud berkenaan kebolehpercayaan data yang dihasilkan ChatGPT, terutamanya berkenaan kecenderungan dan ketidaktepatan maklumat. Dergaa et al. (2023) menekankan kepentingan menilai secara kritikal semua data yang dihasilkan ChatGPT, bagi memastikan input yang dihasilkan adalah bertepatan dan bersesuaian dengan soalan yang diajukan.

3. Metodologi

Kajian yang dijalankan berbentuk kajian tinjauan yang melibatkan pengumpulan maklumat dari responden melalui borang soal selidik. Pendekatan yang digunakannya bagi kajian ini adalah dalam bentuk kuantitatif. Soal selidik ini mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama terdiri daripada data demografi responden termasuk jantina, Jabatan dan Semester. Bahagian kedua mengandungi 19 pernyataan soalan yang berkaitan dengan pembolehubah dalam kajian ini yang terdiri daripada empat pembolehubah iaitu kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran, Pengetahuan ChatGPT, Kemudahan ChatGPT dan Kebolegunaan ChatGPT. Item-item soal selidik diubahsuai dari soal selidik yang diperolehi melalui kajian lepas oleh Owolabi et al. (2022), Dinda Joychohana et al. (2023) dan Patchara et al. (2021). Responden diminta menyatakan persetujuan mereka terhadap pernyataan yang diberikan menggunakan skala *Likert* 5 mata.

Ujian kebolehpercayaan dan kesahan instrumen telah dijalankan bagi memastikan responden tidak mengalami kesukaran dan tidak keliru dengan pernyataan persoalan yang diberikan. Jadual 1 menunjukkan analisis kebolehpercayaan bagi instrumen kajian. Hasil analisis menunjukkan nilai kebolehpercayaan adalah tinggi berdasarkan nilai *Cronbach Alpha* yang melebihi 0.876 bagi setiap pembolehubah. Maka kesemua item pembolehubah diterima.

Jadual 1. Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian

Pembolehubah	<i>Cronbach Alfa</i>	Item
Kesediaan menggunakan ChatGPT	.876	4
Pengetahuan ChatGPT	.892	5
Kemudahan ChatGPT	.880	5
Kebergunaan ChatGPT	.936	5

4. Hasil dan Keputusan

Data-data yang telah diperolehi akan diproses dengan menggunakan IBM *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 29. Dapatan data melihat kepada intrpretasi skor min seperti Jadual 2.

Jadual 2. Interpretasi skor min (Ahmad, 2002)

Nilai <i>Cronbach Alfa</i>	Item
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Data juga dianalisis menggunakan korelasi *Pearson* untuk mengakaji hipotesis kajian dan kekuatan hubungan pembolehubah. Jadual 3 di bawah menunjukkan aras kekuatan nilai pekali korelasi oleh Sekaran (2013).

Jadual 3. Interpretasi skor min (Sekaran, 2013)

Nilai <i>Cronbach Alfa</i>	Item
0.91-1.00	Sangat kuat
0.71-0.90	Kuat
0.51-0.70	Sederhana
0.32-0.50	Lemah
0.01-0.30	Sangat lemah
0.00	Tiada korelasi

Jadual 4 menunjukkan analisis demografi responden yang diperolehi daripada 200 orang responden yang menjawab soal selidik. 102 orang merupakan pelajar lelaki dan 98 merupakan pelajar perempuan. Responden terdiri daripada pelajar Politeknik Kota Kinabalu, Sabah dengan mengambilkira 40 orang wakil setiap jabatan iaitu terdiri daripada Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Perdagangan dan Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti. Responden semester empat adalah merupakan jumlah yang tertinggi iaitu 69 orang (34.5%) diikuti dengan semester tiga dan semester dua iaitu 46 orang (23%) dan 34 orang (17%) manakala semester lain-lain, semester satu dan semester lima adalah terendah masing – masing memperoleh 16 orang (8%) dan 15 orang (7.5%) dan 15 orang (10%).

Jadual 4. Analisis demografi responden

Ciri-ciri Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina		
Lelaki	102	51
Perempuan	98	49
Semester		
Satu	16	8
Dua	34	17
Tiga	46	23
Empat	69	34.5
Lima	15	7.5
Lain - lain	20	10

Jadual 5 menunjukkan analisis min pengetahuan ChatGPT dalam pembelajaran. Keseluruhan item menunjukkan kedudukan berada pada tahap tinggi. Purata keseluruhan min menunjukkan pengetahuan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap tinggi iaitu 4.08 Ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam

pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 5. Analisis min pengetahuan ChatGPT dalam pembelajaran

No	Item	Min	Tahap
1	Saya tahu kewujudan ChatGPT.	4.29	Tinggi
2	Saya boleh menggunakan ChatGPT untuk mendapatkan maklumat pembelajaran.	4.12	Tinggi
3	Saya memunyai pengetahuan tentang keperibagaian fungsi ChatGPT.	3.95	Tinggi
4	Saya tahu ChatGPT merupakan kaedah baharu dalam memudahkan proses pembelajaran.	4.07	Tinggi
5	Saya tahu menggunakan ChatGPT dalam mempelbagaikan aktiviti pembelajaran.	3.98	Tinggi
Min Keseluruhan		4.08	Tinggi

Jadual 6 menunjukkan analisis min kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran. Keseluruhan item menunjukkan min berada pada tahap tinggi. Purata keseluruhan min menunjukkan kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap tinggi iaitu 4.01. Ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 6. Analisis min kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran

No	Item	Min	Tahap
1	ChatGPT mudah digunakan.	4.08	Tinggi
2	ChatGPT boleh digunakan pada bila-bila masa.	4.19	Tinggi
3	ChatGPT menyediakan jawapan yang betul.	3.71	Tinggi
4	ChatGPT membantu pencarian maklumat pembelajaran yang diperlukan oleh pelajar.	3.99	Tinggi
5	ChatGPT membantu pencarian maklumat pembelajaran dalam masa singkat.	4.09	Tinggi
Min Keseluruhan		4.01	Tinggi

Jadual 8. Analisis korelasi

		Pengetahuan ChatGPT	Kemudahan ChatGPT	Kebolegunaan ChatGPT
Kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran	Pearson Correlation	.664**	.686**	.749**
	Sig. (2-tailed)	0.000	0.000	0.000
	N	200	200	200
Kekuatan Korelasi		Kuat	Kuat	Kuat

Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolegunaan ChatGPT kerana nilai p kurang daripada 0.01. Hasil dapatan ini menjawab ketiga-tiga hipotesis kajian dimana terdapat hubungan positif

Jadual 7 menunjukkan analisis min kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran. Keseluruhan item menunjukkan min berada pada tahap tinggi min berada pada tahap tinggi. Purata keseluruhan min menunjukkan kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap tinggi iaitu 3.86. Ini menunjukkan tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap yang tinggi.

Jadual 7. Analisis min kebolegunaan ChatGPT dalam pembelajaran

No	Item	Min	Tahap
1	Penggunaan ChatGPT ini dapat memudahkan saya menyiapkan tugas yang diberi oleh pensyarah.	3.97	Tinggi
2	ChatGPT dapat memberikan saya jawapan yang tepat.	3.67	Tinggi
3	ChatGPT dapat membantu saya memahami isi kandungan pembelajaran dengan mudah.	3.92	Tinggi
4	ChatGPT dapat memahami soalan yang ditanya dengan jelas.	3.83	Tinggi
5	Penggunaan ChatGPT ini dapat membantu saya untuk belajar dengan lebih berkesan.	3.89	Tinggi
Min Keseluruhan		3.86	Tinggi

Jadual 8 menunjukkan keputusan analisa hubungan korelasi antara kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolegunaan ChatGPT. Dapat diklasifikasikan terdapat hubungan positif yang kuat di antara kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT kerana nilai $r = 0.664$. Manakala hubungan bagi kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan kemudahan ChatGPT mempunyai hubungan yang kuat di mana nilai $r = 0.686$. Bagi hubungan di antara kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan kebolegunaan ChatGPT nilai $r = 0.749$ menunjukkan hubungannya adalah kuat.

yang signifikan antara kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT (H1), kemudahan ChatGPT (H2) dan kebolegunaan ChatGPT (H3). Melihat kepada dapatan korelasi ini maka hipotesis bagi kajian ini diterima. Maka objektif kajian 2 dan persoalan kajian 2 dijawab kerana terdapat hubungan

hubungan positif yang signifikan di antara tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesediaan pelajar terhadap pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT dalam pembelajaran adalah pada tahap tinggi. Tahap tinggi ini menunjukkan pelajar dapat menyesuaikan diri dengan menggunakan ChatGPT sebagai medium pembelajaran mereka. Dapatan kajian ini menyamai kajian yang dilakukan oleh Elisnorazmaliza et al., (2023) menunjukkan impak positif bahawa pelajar bersetuju penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran dapat mempengaruhi tahap kefahaman, pengetahuan dan penglibatan pelajar dalam ChatGPT.

Pengendalian ChatGPT adalah fleksibel, yang mana pelajar boleh menjana pertanyaan atau perbualan mengikut kesesuaian kreativiti dan keselesaan pelajar itu sendiri. Ini dapat diselarikan dengan dapatan min kemudahan ChatGPT dalam pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan ChatGPT mudah digunakan tanpa bantuan orang lain dan pelajar juga tidak menghadapi kesukaran untuk memahami cara penggunaan ChatGPT dalam pembelajaran. Kajian Patchara et al. (2021) juga menyatakan kandungan dengan teks, imej, graf, jadual merupakan penyebab pelajar dapat meningkatkan kefahaman dan memotivasikan pembelajaran mereka secara individu melalui penggunaan ChatGPT.

Min keseluruhan bagi kebolehgunaan ChatGPT adalah pada tahap tinggi. Ini menunjukkan ChatGPT berkemampuan memberikan pertanyaan dan jawapan yang betul malahan ChatGPT juga dapat meningkatkan keupayaan menjawab soalan dengan lebih tepat dan memahami isi kandungan pembelajaran dengan mudah. Ini disokong oleh Joycehana et al. (2023) lebih 80% pelajar merasakan bahawa ChatGPT efektif dalam membantu pelajar dalam menyelesaikan tugas dan mampu memberi menjawab pertanyaan dengan cepat dan praktikal. Ini secara positif membantu pelajar dapat menyelesaikan tugas dengan cepat. Menurut penulisan Azlan (2023) pelajar tidak berada dalam kebuntuan yang lama untuk mendapatkan penjelasan dan menambahbaik kefahaman mereka.

Selain itu juga hasil kajian menunjukkan hubungan signifikan yang positif di antara tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT. Ini dapat

dilihat apabila antara tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT juga turut meningkat. Dapat disimpulkan hubungan korelasi antara tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT hubungan yang kuat.

Secara kesimpulannya dapat dirumuskan dapatan kajian ini menjawab persoalan objektif kajian, persoalan kajian dan hubungan di antara tahap kesediaan pelajar menggunakan ChatGPT dalam pembelajaran dengan pengetahuan ChatGPT, kemudahan ChatGPT dan kebolehgunaan ChatGPT. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input kepada pihak-pihak berkenaan bagi melihat ketersediaan pelajar dalam menghadapi pembelajaran dengan menggunakan ChatGPT. Oleh itu, ChatGPT ini muncul sebagai alat yang membantu untuk menyokong proses pembelajaran pelajar secara individu.

Rujukan

- Ahmad, J. (2002). Pemupukan budaya penyelidikan di kalangan guru di sekolah: Satu penilaian [Inculcation of research culture among teachers in schools: An evaluation]. *The National University of Malaysia*.
- Ali, J. K. M., Shamsan, M. A. A., Hezam, T. A., & Mohammed, A. A. (2023). Impact of ChatGPT on learning motivation: teachers and students' voices. *Journal of English Studies in Arabia Felix*, 2(1), 41-49.
- Azlan M. (2023) Teknologi AI pemudah proses pembelajaran, cetus kreativiti pelajar. Diakses Februari 22, 2023, pada <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2023/02/1067491/teknologi-ai-pemudah-proses-pembelajaran-cetus-kreativiti-pelajar>.
- Brown, T., Mann, B., Ryder, N., Subbiah, M., Kaplan, J. D., Dhariwal, P., ... & Amodei, D. (2020). Language models are few-shot learners. *Advances in neural information processing systems*, 33, 1877-1901.
- Dergaa, I., Chamari, K., Zmijewski, P., & Saad, H. B. (2023). From human writing to artificial intelligence generated text: examining the prospects and potential threats of ChatGPT in academic writing. *Biology of sport*, 40(2), 615-622.
- Elisnorazmaliza A. H., Hatini M. & Roshila A. M. (2023). The Use of ChatGPT Applications in Learning: Impact on Understanding and Student Engagement in TVET Institutions. *Malaysian*

- Journal of Information and Communication Technology*. Vol 8, Issue 2.
- Goh H. H. (2023). Memanfaatkan Potensi ChatGPT Dalam Pendidikan Tinggi: Pemangkin Perubahan. Diakses Jun 15, 2023, di <https://ipm.my/wp-content/>
- Hatia, A., Doldo, T., Parrini, S., Chisci, E., Cipriani, L., Montagna, L., ... & Chisci, G. (2024). Accuracy and completeness of ChatGPT-Generated information on interceptive orthodontics: a Multicenter Collaborative Study. *Journal of Clinical Medicine*, 13(3), 735.
- Ho A., & Nguyen H. (2024). Generative artificial intelligence and ChatGPT in language learning: EFL students' perceptions of technology acceptance. *Journal of University Teaching and Learning Practice*, 21(6), 1–19.
- Javaid, M., Haleem, A., Singh, R. P., Khan, S., & Khan, I. H. (2023). Unlocking the opportunities through ChatGPT Tool towards ameliorating the education system. *BenchCouncil Transactions on Benchmarks, Standards and Evaluations*, 3(2), 100115.
- Joycehana, D., Kartagama, F. A., & Ramadhan, R. A. (2023). Penggunaan Artificial Intelligence (AI) Chatbot untuk membantu mahasiswa Itera dalam menyelesaikan tugas. Diakses Mei 25, 2023, pada https://www.academia.edu/103394137/PENGGU NAAN_ARTIFICIAL_INTELLIGENCE_AI_CHATBOT_UNTUK_MEMBANTU_MAHASISWA_ITERA_DALAM_MENYELESAIKAN_TUGAS.
- Kuzdeuov, A., Mukayev, O., Nurgaliyev, S., Kunbolsyn, A., & Varol, H. A. (2024, February). ChatGPT for visually impaired and blind. In *2024 International Conference on Artificial Intelligence in Information and Communication (ICAIIIC)* (pp. 722-727). IEEE.
- Lim C. L. (2023). Teknologi AI boleh dimanfaatkan, bukan musuh bidang pendidikan. Diakses April 29, 2023, pada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2023/04/1095095/teknologi-ai-boleh-dimanfaat-bukan-musuh-bidang-pendidikan>
- Luke, A., Sefton-Green, J., Graham, P., Kellner, D., & Ladwig, J. (2017). Digital ethics, political economy, and the curriculum: This changes everything. In *Handbook of writing, literacies, and education in digital cultures* (pp. 251-262). Routledge.
- Marquardson, J. (2024). Embracing Artificial Intelligence to Improve Self-Directed Learning: A Cybersecurity Classroom Study. *Information Systems Education Journal*, 22(1), 4-13.
- Mennella T. & Quadros M. P. (2024). Student Use, Performance and Perceptions of ChatGPT on College Writing Assignments. *Journal of University Teaching and Learning Practice*, 21(1)
- Mikeladze, T. (2023) Creating teaching materials with ChatGPT. *IRCEELT 13th International Research Conference on Education, Tbilisi, Georgia*
- Mogavi R.H., Deng C., Kim, J.J., Zhou, P., Kwon, Y.D., Metwally A.H.S., Tlili. A. Bassanelli S. Bucchiarone A. Gujar S. (2024) ChatGPT in education: A blessing or a curse? A qualitative study exploring early adopters' utilization and perceptions.
- O'Mara, J., Auld, G., & Wood, N. (2021). Necessary but not sufficient: literacy pedagogies for changing times. *Language and Literacy*, 23(2), 32-48.
- Owolabi, K. A., Abayomi, A. O., Aderibigbe, N. A., Kemdi, O. M., Oluwaseun, O. A., & Okorie, C. N. (2022). Awareness and readiness of Nigerian polytechnic students towards adopting artificial intelligence in libraries. *SRELS Journal of Information Management*, 59(1), 15-24.
- Patchara V. (2021). Chatbot Development as a Digital Learning Tool to Increase Students' Research Knowledge. *International Education Studies*; Vol. 14, No. 2.
- Radford, A., Wu, J., Child, R., Luan, D., Amodei, D., & Sutskever, I. (2019). Language models are unsupervised multitask learners. *OpenAI blog*, 1(8), 9.
- Sekaran, U. (2013). *Research methods for business: A skill-building approach* (6th ed.). Wiley..
- Susnjak, T., & McIntosh, T. R. (2024). ChatGPT: The end of online exam integrity?. *Education Sciences*, 14(6), 656.
- Tiwari, C. K., Bhat, M. A., Khan, S. T., Subramaniam, R., & Khan, M. A. I. (2023). What drives students toward ChatGPT? An investigation of the factors influencing adoption and usage of ChatGPT. *Interactive Technology and Smart Education*.
- Zhang, L., Smith, J., Johnson, E., Lee, M., & Chen, W. (2021). Personalized learning experiences with ChatGPT: A review of current research. *Educational Psychology Review*, 25(3), 215-230.